

BAB
KEDUA

KETERANGAN
NASKHAH

BAB 2

KETERANGAN NASKHAH KITAB MUHIMMAH

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan menjurus kepada teks dasar *Kitab Muhimmah*. Pengkajian ini adalah lebih menumpukan tentang maklumat lengkap naskhah ini termasuklah keterangan naskhah dan sinopsis cerita atau ringkasan cerita *Kitab Muhimmah*. Ini adalah untuk memudahkan pembaca atau khalayak memahami isi kandungan teks *Kitab Muhimmah* yang sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Transliterasi yang dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah edisi diplomatik, iaitu tidak mengubah apa-apa dari naskhah asal sebaliknya pembetulan atau penerangan tentang sesuatu perkataan di dalam naskhah diletakkan di bahagian bawah iaitu sebagai nota kaki pada setiap halaman. Manakala makna bagi istilah-istilah penting dalam kitab ini dinyatakan dalam bahagian Glosari dan Anotasi untuk penerangan, penjelasan dan pemahaman lanjut.

2.2 KETERANGAN NASKHAH

Apabila kita meneliti versi-versi manuskrip tertentu, tidak dapat tidak kita dapat melihat kesan-kesan yang ditinggalkan akibat tindakan yang diambil oleh penyalin yang terlibat. Perubahan-perubahan yang dilakukan semasa sesuatu naskhah disalin oleh penyalin melahirkan versi-versi yang berlainan dengan naskhah sumber. Semakin bertambah salinan dibuat bagi sesuatu naskhah, semakin banyak timbul perbezaan antara salinan-salinan itu sendiri dan antara salinan-salinan lain itu dengan naskhah asal atau naskhah sumber. Semakin jauh masa beredar, semakin terpisah naskhah salinan terakhir dengan naskhah yang terawal.

Tetapi karya yang dipercayai boleh mendatangkan hikmat tenaga ghaib dan keagamaan tidak atau kurang diperlakukan sedemikian, begitu juga dengan kitab agama (Ding Choo. Ming. *Berita Harian*, 9 September 1999. Hlm 7).

Sebagaimana yang telah dijelaskan, pengkaji telah menemui dua salinan naskhah. *Naskhah A* salinan dalam bentuk manuskrip daripada Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan *Naskhah B* dibeli dari kedai buku di Kuala Lumpur.

Setelah diteliti kedua-dua buah salinan naskhah ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih *Naskhah A*. Berdasarkan ciri-ciri yang ada pada *Naskhah A* pengkaji menganggap naskhah tersebut adalah naskhah paling asli dan dijadikan sebagai naskhah utama kajian.

Di antara versi-versi *Kitab Muhimmah* ialah :

2.2.1 Naskhah A

Naskhah ini ialah bernombor MSS 2008. Pengarang asal *Naskhah A* ini ialah Syeikh Abdullah Ibnu Abdur Rahim Fathani dan disalin oleh Ahmad bin Lebar, iaitu pada hari Sabtu, bulan akhirat di negeri Chenak, Kampung Tempera. Kitab ini mempunyai 66 halaman dan berukuran 21x17 sm. Naskhah ini dalam bentuk tulisan Jawi tangan.

Naskhah A sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam bab satu pada bahagian pengenalan, adalah terangkum dalam satu manuskrip. Bahagian depan manuskrip adalah berjudul *Muhimmah*. Di dalam manuskrip ini membicarakan pelbagai hukum bagi perempuan yang telah bersuami khususnya hukum isteri yang derhaka kepada

suami (nusyuz). Di samping itu diselitkan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan perkahwinan seperti cara pemilihan calon isteri, mas kahwin, poligami dan sebagainya.

Naskhah A berukuran 21.2 x 17 sm dan mengandungi 65 halaman di samping bertulisan Jawi dan menggunakan sistem tulisan tangan. Teks ini terdiri daripada kira-kira 15 patah perkataan dalam tiap-tiap satu baris dan jarak di antara satu baris dengan baris yang lain kira-kira 1 sm. Tulisannya cantik, terang dan bersih, tetapi masih menimbulkan masalah apabila membacanya kerana kedudukan satu patah perkataan dengan perkataan yang lain agak rapat dan ayat-ayat Al-Qurannya yang tidak jelas dan tidak tepat dari segi ejaannya. Oleh itu, kadangkala berlaku kelainan atau tidak jelas antara transliterasi naskhah dengan manuskrip asal.

Dari aspek penomboran muka surat, tidak tercatat nombor muka surat di setiap muka surat manuskrip. Keadaan ini amat menyukarkan pengkaji. Pengkaji terpaksa menomborkan sendiri di setiap helaian manuskrip. Selain daripada itu pengkaji terpaksa berulang kali membaca isi teks memandangkan ejaan yang terdapat di halamannya adalah ejaan lama. Di samping itu setiap ayat yang ditulis tidak terdapat perhentian atau noktah. Keadaan ini memaksa pengkaji berulang kali

membaca dan memahami dengan betul untuk menentukan nokhtah yang perlu diletakkan.

Naskhah A di akhir penutup cerita iaitu seperti petikan di bawah :

Telah selesailah daripada menyalin kitab ini di dalam negeri Chenak iaitu dalam kampung Tempura, pada hari sabtu pada mukjizat Nabi Salla' Llahu 'alaihi wa sallam seribu dua ratus puluh dua lapan tahun. Yang menyurat kitab ini, Ahmad Ibnu Lebar yang tempat duduk ----- kampong yang dan jika lebih, dan jika kurang minta tolong baikinya. Kerana hamba tiada tahu menyurat, kerana baharu mengajar dan tiga tahun sangat jahil daripada ilmu. Tamat.

(*Naskhah A* : 66)

2.2.2 Naskhah B

Naskhah B ini mengandungi dua bahagian utama iaitu bahagian pertama ialah *Kitab Muhimmah* yang bermula daripada muka surat 1 hingga 40. *Kitab Muhimmah* ini dikarang oleh Syekh 'Abdullah Ibnu 'Abdur Rahim Fathani. Bahagian depan *Naskhah B* berjudul *Kitab Muhimmah dan Al-Mawāidz Al-Badīah*. Di dalam bahagian *Kitab Muhimmah* ini membicarakan pelbagai hukum bagi perempuan yang

telah bersuami khususnya hukum isteri yang derhaka kepada suami (nusyuz). Di samping itu diselitkan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan perkahwinan seperti cara pemilihan calon isteri, mas kahwin, poligami dan sebagainya.

Bahagian kedua pula merupakan *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah*. *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* bermula daripada muka surat 41 hingga 71. *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* merupakan hasil karangan Syeikh 'Abdul Ra'uf Fanshuri Aceh. *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* bermakna kitab segala pengajaran yang indah-indah. *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* membicarakan tentang peringatan-peringatan yang indah buat seseorang Muslim. Di dalam *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* mengandungi 50 peringatan atau pengajaran yang perlu diketahui oleh umat Islam. Antara peringatan atau pengajaran yang terkandung di dalam *Kitab Al-Mawāidz Al-Badīah* ialah kita mesti memaafkan kesalahan orang lain, merendah diri, redha dengan ketentuan Allah dan sentiasa mengingati mati.

Bahagian depan *Naskhah B* berjudul *Kitab Muhimmah dan Al-Mawāidz Al-Badīah*. *Naskhah* ini tidak bernombor. Di dalam *Naskhah B* tidak dinyatakan nama penyalin, tarikh disalin dan tempat kitab disalin seperti mana yang ada dalam *Naskhah A*. *Naskhah B* ini mempunyai

71 halaman sahaja dan berukuran A4. Setiap baris mempunyai 16 hingga 18 patah perkataan. Setiap muka surat mempunyai 32 baris. Naskhah ini dalam bentuk tulisan Jawi bercetak.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapati bahagian *Kitab Muhimmah* tiada perbezaan antara *Naskhah A* dan *Naskhah B*, iaitu kedua-dua naskhah mengandungi cerita yang sama. Yang berbeza satu *Naskhah A* tulisan tangan manakala *Naskhah B* tulisan jawi bercetak. Bahagian penutup daripada *naskhah A* jatuh pada halaman 65, sementara *naskhah B* jatuh pada halaman 38. Oleh itu, ini membuktikan *naskhah A* lebih panjang daripada *naskhah B*. Keadaan ini berlaku kerana *Naskhah A* tulisannya tulisan tangan yang hurufnya ditulis dalam saiz yang lebih besar berbanding dengan *Naskhah B* yang bercetak dan tulisannya dicetak dalam saiz yang lebih kecil.

Naskhah A tersimpan di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, manakala *Naskhah B* dibeli di kedai menjual kitab-kitab lama. *Naskhah A* ini berbentuk kitab lama dan tidak mempunyai kulit sementara *Naskhah B* pula berbentuk buku dan dijilid dengan kulit lembut bewarna merah muda. *Naskhah A* pada setiap halaman tidak diletakkan nombor muka surat ini berbeza dengan *Naskhah B*, setiap halaman *Naskhah B* diletakkan nombor muka surat.

Apabila diteliti ejaan pada *Naskhah A* berbeza dengan *Naskhah B*, iaitu *Naskhah A* banyak menggunakan kaedah ejaan berdasarkan bunyi pertuturan pada waktu itu (zaman dahulu) manakala *Naskhah B* ejaannya lebih menggunakan kaedah ejaan yang baku.

Didapati *Naskhah B* tidak lengkap kerana tidak mempunyai penutup cerita. Ini bermakna *Naskhah B* tidak disalin hingga ke akhir cerita. *Naskhah A* diakhiri dengan ayat seperti di bawah :

Lelaki yang berbuat makanan, maka dipanggilkan kepada makanan itu segala anak yatim dan segala miskin.

عبدالله بن عبد الرحيم فطاني والله أعلم بالصواب واليه المرجع والمآب

(*Naskhah B* : 40)

2.3 SINOPSIS KITAB MUHIMMAH

Kitab Muhimmah telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan perkahwinan. Antara perkara yang dibicarakan ialah isteri derhaka terhadap suami (*nusyuz*). Di dalam kitab ini telah

digariskan beberapa perkara yang boleh menyebabkan seseorang isteri itu dianggap derhaka terhadap suaminya (*nusyuz*).

Pertama, apabila isteri menegah suami daripada mengambil kesukaannya, seperti menegah suami daripada menjamah dan menyentuh mana-mana bahagian daripada badannya. Seseorang isteri juga tidak boleh keluar rumah dengan tanpa meminta izin suami, sama ada suaminya hadir atau ghaib atau keluar kepada majlis belajar ilmu yang bukan fardhu ain. Namun, isteri itu tidak dianggap derhaka jika keluar untuk mempelajari ilmu fardhu ain seperti hukum haid, nifas dan sebagainya, malahan wajib bagi seseorang suami itu mengajar isterinya, jikalau suaminya itu mempunyai ilmu tersebut. Haram bagi suami menegah isterinya untuk mempelajari ilmu fardhu ain.

Ketiga, isteri enggan berpindah mengikut suaminya. Keadaan ini dianggap isteri tersebut *nusyuz* kerana sudah menjadi tanggungjawab seseorang isteri itu untuk patuh pada segala suruhan dan perintah suaminya. Keempat, isteri menyelak pintu ketika suaminya hendak masuk. Kelima, isteri meminta talak dengan tiada bersebab yang diharuskan oleh syarak.

Seorang isteri juga tidak boleh bermasam muka, bercakap kasar terhadap suami atau meninggalkan tempat tidur tanpa izin suaminya. Sebaliknya, sebagai seorang isteri perlu melayan suaminya dengan baik.

Kitab ini juga menyatakan bahawa perempuan yang tidak menutup rambut daripada pandangan laki-laki yang lain yang haram memandangnya, ia dianggap ingkar terhadap suaminya. Begitu juga isteri yang berhias bukan untuk suaminya serta memberikan air susunya dengan tanpa izin suaminya juga dianggap *nusyuz*.

Selain itu, perempuan yang tidak mahu bersuci badannya dan tidak mandi junub daripada haid, nifas dan meringan-ringankan sembahyangnya. Perempuan yang melahirkan anak zina dan menyatakan suaminya yang bertanggungjawab juga dianggap perlakuan-perlakuan isteri yang ingkar terhadap suaminya. Begitu juga dengan perempuan yang suka mengadu, penipu juga yang mempunyai perasaan hasad dengki, yang mana ia diibaratkan seperti perempuan yang mempunyai rupa anjing dan api masuk daripada mulutnya dan keluar melalui duburnya.

Kitab Muhimmah ini turut membicarakan perkara yang menyebabkan Allāh tidak menerima solatnya, iaitu sembahyang tidak berjemaah, sembahyang orang yang tidak mengeluarkan zakat hartanya dan sembahyang orang yang berbuat zina serta orang yang memakan riba.

Selain itu, Allāh juga tidak menerima solat orang yang menyamun, memakan dan meminum yang haram serta sembahyang orang yang menjual yang haram. Begitu juga dengan sembahyang hamba yang lari daripada tuannya dan perempuan yang masam muka, derhaka atau bertutur dengan marah terhadap suaminya.

Seterusnya, perempuan yang memakai bau-bauan, kemudian keluar ia lalu di hadapan suatu kaum supaya dapat dibau oleh orang lain, maka perempuan itu seperti berbuat zina. Begitu juga dengan perempuan yang keluar dengan memakai pakaian dengan bermegah-megah terhadap dirinya yang mana ia akan menimbulkan fitnah. Bagi perempuan yang masam muka terhadap suaminya, maka perempuan tersebut akan dimasukkan ke dalam neraka. Dan juga perempuan yang keluar daripada rumahnya dengan tiada izin suaminya, nescaya segala malaikat akan melaknatkan dia sehingga ia kembali pulang.

Kitab ini juga turut mengutarakan empat kategori perempuan yang menjadi isi neraka. Pertama, perempuan yang jahat perkataan terhadap suami ketika suaminya tiada bersamanya, tidak memelihara dirinya, dan jikalau suami ada bersama, dia menyakiti hati suaminya.

Kedua, perempuan yang membuat permintaan barang yang tidak mampu suaminya sediakan. Ketiga, perempuan yang tiada menutup akan dirinya daripada laki-laki dan keluar ia daripada rumahnya dengan memakai perhiasan yang kemegahan dan akhir sekali perempuan yang tiada baginya cita-cita melainkan hendak makan dan minum dan malas mengerjakan sembahyang serta tidak taat pada suami Allāh dan Rasulnya

Kitab Muhimmah juga mengandungi hukum isteri enggan suaminya nikah. Antara hukum yang dibincangkan ialah pertama, isteri enggan suaminya beristeri yang lain, dosa yang amat besar dan bala yang amat keras, bahawa sesungguhnya adalah marahnya itu seolah-olah pada barang yang disuruh Allāh, dan hukum yang disunatkan oleh Nabi s.a.w. Maka terlebih jahat perempuan itu kerana Allāh menyuruh bernikah. Oleh itu, isteri yang menghalang suaminya bernikah seolah-olah melanggar hukum Allāh dan dianggap berdosa.

Kedua, perempuan yang tidak redha dengan apa yang diredhai oleh Allāh hukumnya perempuan itu masuklah ke dalam jumlah syaitan dan iblis yang kena laknat Allāh Ta 'ālā. Didatangkan bala padanya di dunia dan akhirat dan beberapa masalah pada kemudian hari seperti jatuh didalam murtad dan kafir dengan mengikut hawa nafsu tidak membenarkan suaminya bernikah. Dinyatakan di sini bahawa perempuan yang enggan suaminya nikah akan ditimpa bala sama ada di dunia atau di akhirat serta tidak diterima amalnya dan diletak di lapis paling bawah di dalam neraka.

Seterusnya, perempuan yang menilik muka suaminya dengan muka yang masam, mati tanpa sempat redha suaminya akan dimasukan ke dalam neraka. Bagi perempuan yang lari dari rumah suaminya, Allāh Ta 'ālā tidak akan menerima sembahyangnya sehingga kembali ia kepada suaminya. Ini menunjukkan bahawa segala perkara yang ingin dilakukan oleh seseorang isteri perlu mendapat izin dan keredhaan suaminya.

Terdapat juga hukum bagi perempuan yang mengeji suaminya dengan kata-kata keji, iaitu Allāh mengeluarkan lidahnya pada hari kiamat daripada pihak belakangnya. Kemudiannya digantung lidahnya

dan ditambatkan tangan dan kakinya dengan rantai dan belenggu dan diseru di padang mahsyar.

Beberapa perkara lain turut dinyatakan seperti perkara yang menyebabkan perempuan masuk syurga iaitu sembahyang lima waktu, mengerjakan puasa dibulan ramadan, memelihara farajnya serta taat pada suaminya.

Ciri-ciri isteri yang solehah juga dibicarakan di dalam *Kitab Muhimmah* ini. Antara ciri-ciri tersebut ialah patuh pada suruhan suaminya. Suami berasa senang hati apabila memandang isterinya. Ketiga, bersumpah memberi kebajikan kepada suaminya. Isteri yang solehah itu juga apabila suaminya tiada, dapat memelihara akan dirinya dan harta suaminya.

Tiada harus perempuan puasa sunat melainkan dengan izin suaminya dan jika berpuasa berdosa perempuan itu dan tiada diterima amalnya. Seorang isteri juga tidak diharus memberi apa-apa daripada rumahnya kecuali diizin oleh suaminya melainkan makanan yang basah dan ditakuti binasa. Oleh itu selagi suami tidak memberi izin, isteri tidak boleh memberi apa-apa dari rumah kepada sesiapa pun.

Apabila suami bermusafir jangan sekali-kali isteri bersuka dan bermain, jangan memakai perhiasan dan berhias sehingga suami pulang dan jangan sekali-kali menyalahi akan janji suami. Isteri perlu memberi kasih sayang dan memelihara harta suami sama ada suaminya ada atau tiada, serta kasih sayang pada semua kerabat suaminya. Seorang isteri perlu memelihara daripada memaki anak dan melawan cakap suaminya.

Kitab ini juga membincangkan tentang adab-adab seorang isteri, iaitu apabila keluar rumah mesti minta izin daripada suami, berpakaian buruk dan tidak memakai wangi-wangian, tidak berjalan di tengah pekan dan tempat yang sunyi dan pada hadapan orang yang ramai. Seorang isteri perlu memelihara suara daripada didengar oleh laki-laki, memelihara daripada dikenal rupanya, tidak boleh hirau kepada laki-laki yang lain kecuali sahabat suaminya yang meminta sesuatu.

Seterusnya adab seorang isteri juga jangan kerap pergi ke rumah orang sekampungnya, jangan banyak berkata-kata dengan orang yang sekampung dan jangan masuk ke rumah orang sekampungnya melainkan dengan hajat yang penting. Jangan meminta sesuatu yang suami tidak mampu, dahulukan hak suaminya daripada hak dirinya dan daripada segala kerabatnya. Sebagai seorang isteri,

Apabila suami bermusafir jangan sekali-kali isteri bersuka dan bermain, jangan memakai perhiasan dan berhias sehingga suami pulang dan jangan sekali-kali menyalahi akan janji suami. Isteri perlu memberi kasih sayang dan memelihara harta suami sama ada suaminya ada atau tiada, serta kasih sayang pada semua kerabat suaminya. Seorang isteri perlu memelihara daripada memaki anak dan melawan cakap suaminya.

Kitab ini juga membincangkan tentang adab-adab seorang isteri, iaitu apabila keluar rumah mesti minta izin daripada suami, berpakaian buruk dan tidak memakai wangi-wangian, tidak berjalan di tengah pekan dan tempat yang sunyi dan pada hadapan orang yang ramai. Seorang isteri perlu memelihara suara daripada didengar oleh laki-laki, memelihara daripada dikenal rupanya, tidak boleh hirau kepada laki-laki yang lain kecuali sahabat suaminya yang meminta sesuatu.

Seterusnya adab seorang isteri juga jangan kerap pergi ke rumah orang sekampungnya, jangan banyak berkata-kata dengan orang yang sekampung dan jangan masuk ke rumah orang sekampungnya melainkan dengan hajat yang penting. Jangan meminta sesuatu yang suami tidak mampu, dahulukan hak suaminya daripada hak dirinya dan daripada segala kerabatnya. Sebagai seorang isteri,

perlu juga menurut akan kesukaan suaminya, sentiasa suci badan dan kainnya. Jangan memilih suami dari segi harta dan paras rupanya dan janganlah menghina suami kerana jahat rupa suaminya atau fakir miskin serta jangan sekali-kali menyakiti hati suami pada perbuatan dan perkataan dan kelakuan. Maka jika ada salah satu daripada yang tersebut ini, nescaya celakalah perempuan yang demikian itu, menyesallah ia pada hari akhirat daripada segala perbuatan yang menyakiti akan suaminya.

Kewajipan suami kepada isteri pula ialah mengajar isteri segala yang wajib dan harus seperti hukum sembahyang dan segala yang halal dan haram, meninggalkan mengumpat, memelihara segala najis dan segala hukum membasuh najis wajib atas suami mengajar bicara haid dan hukumnya serta wajib suami mengajar mandi junub dan mandi haid serta nifas dan waladah. Suami wajib mengajar isterinya apabila putus haid dahulu daripada waktu magrib, maka wajib mengadaq sembahyang zuhur dan asar. Apabila suami mengajar segala hukum maka tidak harus isterinya keluar belajar dan jikalau suami tiada mengajar, maka harus isterinya itu keluar dan haram suaminya menegah dia. Hukum bagi suami yang tiada bayar mas kahwin lelaki itu dianggap sama dengan berzina dosanya.

Tanggungjawab suami dalam perkahwinan ialah menjaga ahli daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar dan yang menyalahi syariat. Jangan sekali-kali menolongi ahlinya pada perbuatan yang menyalahi akan syariat agama yang suci. Berdosa besar laki-laki yang megikut kata isterinya didalam melakukan yang bertentangan dengan syariat.

Perbincangan seterusnya ialah hukum suami mengikut kata isteri. Suami yang mengikut kata isteri yang menyalahi hukum agama dimasukan ke dalam api neraka. Suami yang menjadi hamba isteri seperti hamba jadi penghulu dan mengakibatkan berlaku kebinasaan. Suami juga hendaklah menjauhkan daripada mengikut kesukaan hawa nafsu isteri yang menyalahi syariat kerana Allāh akan menurunkan bala dan ini salah satu perkara daripada sebab Allāh menurunkan bala. Sebagai seorang suami juga mesti ada sikap cemburu pada isterinya. Jangan biarkan laki-laki lain masuk ke rumahnya dengan tidak hadir suaminya. Suami mesti ada sedikit sifat cemburu kerana ia wajib memelihara apa-apa berlaku kepada isterinya. Jangan sangat percaya pada kejahatan isteri dan sifat cemburu isteri. Apabila suami membiar isteri berzina (dayus) haram hukumnya masuk syurga. Hukum menujum haram kerana mengetahui khabar yang ghaib, kerana Allāh sahaja yang mengetahui. Pekerjaan ini haram, haram pergi ke

rumahnya dan membenarkan kata-kata mereka dan haram memberi upah kepada mereka. Orang yang mengadu antara manusia supaya berkelahi haram dan berdosa besar. Orang yang mengumpat pada orang alim dan orang yang mengamalkan Al-Qur'an, berdosa besar dan jadi fasik.

Perkara-perkara lain turut diperkatakan seperti hukum orang yang bergaduh dan tidak bercakap lebih daripada tiga hari, orang yang memakan cukai daripada harta manusia, orang yang mengumpul harta dengan mengerjakan yang haram. Contoh tipu sukatan dan riba, orang yang membenci pada seorang daripada sahabat Nabi, orang yang menghela selendangnya dan orang yang bermain catur.

Seterunya, kitab ini menyatakan beberapa faedah berkahwin. Pertama, mendapat anak yang soleh. Anak yang soleh inilah yang akan sentiasa mendoakan kesejahteraan ibubapanya. Kedua, anak yang meninggal dunia akan menarik ibu bapanya masuk ke syurga. Dengan berkahwin juga dapat menghilangkan syahwat pada perempuan lain. Oleh itu, berkahwin telah memelihara setengah agamanya. Melalui perkahwinan juga, pengurusan rumahtangga akan lebih teratur dan ini menjadikan suami senang hati semasa melakukan ibadat dan menuntut ilmu. Perkahwinan juga akan dapat melihat peranan suami dalam

mendidik isteri dan anak-anak dengan sabar. Perkahwinan adalah suatu ikatan yang sah dan menghalalkan hubungan antara suami dan isteri. Justeru itu, melalui perkahwinan ini akan dapat menaikkan lagi semangat untuk beribadat kerana senang hati dan dapat apa yang dikehendaki (berjimak).

Dalam *Kitab Muhimma* ini turut digariskan cara memilih bakal isteri iaitu, beragama dan soleh, berharta, rupa paras dan keturunannya. Terdapat juga beberapa perkara mengenai sifat perempuan yang tidak elok dipilih. Pertama, perempuan yang banyak keluh kesah dan mengadu-gadu, sentiasa berhias diri, perempuan yang banyak memerintah suaminya, perempuan yang suka meminta-minta, perempuan yang setiap hari perhiasa diri sepanjang masa. Perempuan yang tidak mahu makan dan menghina makanan yang diberi oleh suaminya merupakan salah satu perempuan yang tidak elok dipilih. Begitu juga dengan perempuan yang banyak berkata-kata.

Perempuan yang seharusnya dijadikan isteri pula ialah, bakhil dan kikir yang dapat memelihara harta suaminya, perempuan yang membesarkan diri iaitu dia enggan daripada berkata-kata dengan tiap-tiap orang dengan perkataan yang lemah lembut, penakut, yang mana ia tidak keluar daripada rumahnya untuk mengelakkan daripada

dicemburui. Selain itu, perempuan yang elok mukanya, ini akan mendorong suami untuk lebih memberi perhatian terhadap isterinya berbanding perempuan-perempuan yang lain. Namun, yang lebih utama ialah memilih pasangan yang mempunyai ilmu agama. Seterusnya perempuan yang ringan isi kahwinnya, perempuan yang banyak beranak, perempuan yang masih gadis, perempuan yang mempunyai bangsa atau keturunan yang baik serta perempuan yang bukan kerabatnya yang hampir untuk mengelak kurang syahwat. Untuk memilih bakal suami pula, seelok-eloknya pilih lelaki yang tidak jahat perangai, rupa dan tidak daif dari segi agamanya.

Adab berkahwin lebih daripada satu juga turut diperbincangkan. Lelaki yang berkahwin lebih daripada satu perlulah adil dari segi zahir dan batin. Lelaki yang tiada menyamai keadilan pada hari kiamat seolah-olah sebelah bahunya rapuh dan gugur. Tidak wajib menyamai kasih hati dan cenderung hati atau cenderung nafsu. Suami perlu adil dalam membahagikan kasih sayang. Wajib menyamai bermalam tidak kira haid, nifas, dan sebagainya kecuali isteri yang derhaka.

Hukum tidak bertegur sapa sesama Islam pula, jika melebihi tiga hari nescaya di masuk ke dalam neraka. Perbicaraan mengenai hubungan dengan keluarga dan ibu bapa dicerita di dalam kitab ini.

Hubungan yang baik dengan keluarga dan ibu bapa perlu dijaga jika tidak Allāh akan membutakan segala pengelihatan. Derhaka kepada kedua ibu bapa tidak dapat mencium syurga. Tidak diterima amalan orang yang memutuskan silaturrahim. Orang yang memutuskan kekeluargaan dihimpun dalam telaga maut di atas mulut neraka jahannam. Dinyatakan juga orang mengelakan kainnya kerana membesarkan dirinya seolah-olah terlalu bangga dengan dirinya seterusnya menjejaskan silaturrahim. Haram memutuskan kekeluargaan dan wajib pula menghubungkannya.

2.4 EJAAN DAN GAYA BAHASA DI DALAM KITAB MUHIMMAH

Hubungan bahasa dan sastera amat erat dan bersatu untuk membentuk, membina dan mengembangkan sastera. Mengkaji struktur bahasa, keindahan bahasa dan penggunaan bahasa di dalam karya-karya silam yang berupa manuskrip yang ditulis dalam huruf-huruf Jawi. Melalui kajian ini juga dapat dilihat dan diperhatikan beberapa perkembangan dan penggunaan bahasa serta variasi ejaan Jawi yang amat pelbagai. Gaya bahasa *Kitab Muhimmah* ini merupakan gaya bahasa kitab. Naskhah ini disulami dengan ayat-ayat Al-Qur'an, puji-

pujian terhadap Allāh dan rasulnya. Naskhah mempunyai gaya bahasa yang berbeza dengan gaya bahasa persuratan. Gaya bahasanya masih terikat dengan gaya bahasa lama.

Secara keseluruhannya, apabila mengkaji naskhah *Kitab Muhimmah*, pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah dari segi gaya bahasa kerana gaya bahasa yang digunakan mudah difahami, begitu juga tulisan Jawinya mudah dibaca . Walau bagaimanapun, kesukaran timbul apabila teks ini langsung tidak mempunyai sebarang tanda bacaan seperti koma, noktah, tanda soal, tanda pembuka kata, tanda penutup kata, dan sebagainya. Kadang-kala pengkaji merasa sukar untuk memastikan kesudahan sesuatu ayat.

Pengkaji terpaksa membaca dengan teliti terlebih dahulu bagi memastikan tanda bacaan diletakkan dengan betul. Di samping itu pengkaji, pengkaji juga harus berhati-hati meletakkan tanda baca bagi mengelakkan berlakunya pertentangan dengan maksud asal manuskrip yang hendak disampaikan.

Di samping tanda bacaan, kaji ini juga melihat dari beberapa aspek gaya bahasa seperti penggunaan ayat-ayat Al-Quran, ketidakseragaman ejaan atau penggunaan huruf, unsur penambahan

vocal, bahasa klasik. Kajian terhadap aspek-aspek ini turut diambil kira bagi melihat perbezaan penggunaan perkataan dan penggunaan gaya bahasa manuskrip ketika ia dihasilkan berbanding dengan hari ini.

2.4.1 Sistem Ejaan

Memperkatakan tentang sistem ejaan yang terdapat pada naskhah *Kitab Muhimmah*, maka dapatlah dinyatakan bahawa sistem ejaan yang digunakan masih merupakan sistem ejaan Bahasa Melayu lama. Jadi terdapat perbezaan di antara tulisan Melayu lama dengan Melayu moden. Dalam penulisan manuskrip tersebut, wujud beberapa ketidakseragaman dari segi ejaan dan juga penambahan vokal yang digunakan dalam naskhah tersebut. Ini kerana ejaan yang digunakan oleh pengarang masih lagi terpengaruh dengan ejaan lama. Bahasa Melayu lama merupakan bahasa Melayu yang wujud pada tahap ke-3 dalam perkembangan bahasa tersebut. Bahasa Melayu yang berkembang pada zaman tersebut bertunjangkan sistem tulisan Jawi yang berasaskan kesusasteraan Arab. (Nik Safiah Karim & et. al, 1997 : 69). Hal ini akan diperbincangkan secara lebih lanjut dalam bab ini.

Jika diteliti daripada segi ejaan, teks ini masih terikat denagn penggunaan ejaan lama. Antaranya seperti;

Ejaan Dahulu	Ejaan Sekarang
Belum بلم	Belum بلوم
Ilmu علم	Ilmu علمو
Satu سات	Satu سا تو
Tiap تيف	Tiap تيف
Mata متا	Mata مات
Usaha اسها	Usaha اوسها
Kerana کرن	Kerana کران

Terdapat juga perkataan yang sukar untuk menentukan bunyi bacaannya contohnya;

تعل - tinggal atau tanggal atau tunggal?

بلس - belas atau balas?

كسه - kasih atau kesah?

بیمع - bimbang atau bimbing?

نفس - nafas atau nafsu?

Walau bagaimanapun penulis menggunakan idea sendiri untuk menentukannya berdasarkan kepada pemahaman terhadap struktur ayatnya.

Perkataan yang sama tetapi ejaannya berlainan juga terdapat dalam teks ini seperti;

Jika : جيك جك

Bagi : بكي بك

Zindiq : زنديق زنديق

Ada juga perkataan yang dibariskan untuk memudahkan bacaan seperti ;

Ganjaran : گنجارن گنجارن

Udara : ادارا ادارا

Dimunkirkan : دمنكرکن دمنكرکن

Huruf ' ک ' tidak diletakkan titik. Oleh itu penulis perlu berhati-

hati membacanya untuk membezakan di antara huruf ' ک ' dan ' کن

' pada sesuatu perkataan.

Huruf nga ' گ ' kadang-kadang ditulis dengan huruf ghain ' غ

' seperti perkataan anggota ditulis ' اغکت ' dan enggan ditulis غکت

. Kekeliruan yang berlaku pada huruf sin ' س ' dan sin ' ش '

umpamanya perkataan menyeksa dieja ' ميكش ', seksa dieja '

شكس ', fasik dieja ' فاشق ' dan lain-lain lagi. Namun begitu

kekeliruan ini dapat diatasi berdasarkan kesesuaian kedudukan perkataan tersebut didalam setiap ayat.

Ayat Al-Qur'an yang terdapat di dalam naskhah ini daripada surah Al-Nisa' : 3 . Perbezaan antara ayat yang dikemukakan dalam naskhah dengan ayat di dalam Al-Qur'an disebabkan kesilapan tanda-tanda baris (bacaan). Contoh kesalahannya ialah;

yang dicatatkan di dalam naskhah.

فانكحوا ما طاب لكم من النساء مثنى وثلاث وربع

yang dicatatkan di dalam Al-Qur'an.

فانكحوا ما طاب لكم من النساء مثنى وثلاث وربع

Berdasarkan kajian dari segi ejaan yang digunakan dalam naskhah *Kitab Muhimmah* ini, maka dapatlah dikatakan bahawa tulisan

Jawi merupakan system tulisan yang paling luas dan paling lama digunakan oleh masyarakat Melayu yang dianggarkan bermula sejak abad ke-10 Masihi sehinggalah dewasa ini. Tulisan Jawi yang bersumberkan tulisan Arab telah ditambah dengan lima abjad untuk melambangkan bunyi bahasa Melayu. Dengan demikian, tulisan Jawi mengandungi 29 abjad Arab dan lima abjad ciptaan Melayu sehingga menjadi 34 abjad semuanya (Hashim Musa, 1997 : xiv-xv).

Bedasarkan beberapa manuskrip yang dikaji oleh Hashim Musa (1997 : 185-248), dapatlah dikatakan bahawa sistem ejaan bagi naskhah *Kitab Muhimmah* ini merupakan system ejaan yang tergolong abad ke-19.

2.4.2 Gaya Bahasa

Keberhasilan sesuatu karya sastera amat berkait rapat dengan gaya bahasa yang dimainkan oleh seseorang pengarang. Sesebuah karya sastera yang baik dan bermutu akan dilihat dari aspek penggunaan gaya bahasa yang terdapat di dalamnya. Malahan untuk membezakan antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain

akan dilihat dari aspek gaya bahasa yang digunakannya. Bermula dari situlah, identiti seseorang pengarang dapat dikenal pasti.

Meneliti *Kitab Muhimmah*, ternyata unsur gaya bahasa turut memainkan peranan penting dalam penghasilan karya tersebut oleh pengarangnya. Terdapat beberapa penggunaan gaya yang mendasari manuskrip *Kitab Muhimmah* ini. Walau bagaimanapun, unsur gaya bahasanya adalah lebih kepada unsur gaya bahasa Melayu lama.

2.4.2.1 Penggunaan Bahasa Al-Quran

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi pegangan umat Islam dunia ini. Oleh kerana masyarakat Melayu Nusantara telah menganut agama Islam sejak abad ke-13 Masihi lagi, maka tidak hairanlah penulisan manuskrip pada zaman tersebut terdapat penggunaan ayat-ayat Al-Quran. Tambahan pula, terdapat di kalangan cerdik pandai ketika itu telah mendapat pendidikan agama Islam dari Negara Arab dan Parsi.

Meneliti naskhah *Kitab Muhimmah* ini, didapati bahawa naskhah ini banyak menggunakan bahasa Arab atau pun bahasa Al-Quran.

Pada bahagian-bahagian tertentu, penggunaan bahasa Arab banyak ditekankan dan ada sebahagiannya disertai dengan maksud. Contoh yang dapat dilihat pada permulaan *Kitab Muhimmah* apabila dimulakan dengan bacaan doa:

Naskhah ini dimulai dengan nama Allāh iaitu ;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(KM :1)

Ini selaras dengan ajaran Islam yang memulakan sesuatu pekerjaan dengan "Bismi 'Llāh" yang membawa erti;

"Dengan nama Allāh Yang Maha Pemurah, lagi maha Mengasihi."

Kemudian disertai dengan puji-pujian ke atas Allāh iaitu;

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد خاتم النبيين

والمرسلين وعلى اله وصحبه أجمعين.

(KM : 1)

Selain itu, bagi memudahkan pemahaman khalayak pembaca, penggunaan ayat-ayat Al-Quran juga turut disertakan dengan terjemahan atau maksudnya sekali. Hal ini banyak terdapat dalam naskhah *Kitab Muhimmah* ini sepanjang kajian yang telah dilakukan. Contoh ayat-ayat Al-Quran yang disertakan dengan terjemahannya dapat dilihat seperti dalam contoh di bawah:

يا ايها الذين امنوا لاتلهكم امولكم ولا اولدكم عن ذكر الله ومن يفعل ذلك فاولك

هم الخسرون

Ertinya : "Hai segala mereka yang percaya mereka itu jangan melalaikan akan kamu oleh segala harta kamu dan anak kamu daripada zikrullah, dan barangsiapa berbuat ia akan yang demikian itu maka mereka itulah segalamereka yang kerugian mereka itu pada hari akhirat. (**Al- Munafiqun : 9**)

(KM : 25)

Sabda Nabi s.a.w. :

من كان له امرتان فمال الى أحدهما دون الاخرى وفي لفظ آخر ولم يعدل بينهما
جاء يوم القيامة أحد شقية مائل

Ertinya : "Barangsiapa baginya dua orang isterinya maka cenderung ia akan salah satu daripada keduanya tiada kepada yang lain." Dan suatu riwayat yang lain: "Padahal tiada ia adil, yakni tiada ia menyamakan antara keduanya itu nescaya datang pada hari kiamat padahal salah satu daripada dua pihak bahunya cenderung."

(KM : 52)

2.4.2.2 Penggunaan Gaya Bahasa Klasik / Lama

Selain daripada penggunaan ayat-ayat Al-Quran, naskhah *Kitab Muhimmah* ini juga turut menggunakan gaya bahasa klasik atau bahasa lama. Gaya bahasa klasik ini telah dikekalkan oleh pengarangnya sebagai salah satu teknik yang menarik. Antara perkataan-perkataan yang banyak ditemui sepanjang penelitian teks ini ialah perkataan 'syahdan', 'bermula', 'sayugia', diriwayatkan dan 'maka',

Walau bagaimanapun, perkataan 'maka' merupakan antara perkataan yang paling kerap penggunaannya berbanding perkataan

lama yang lain. Malahan, boleh dikatakan dalam setiap ayat akan digunakan perkataan 'maka' sebagai penyambung ayat atau pun permulaan ayat. Penggunaan perkataan 'maka' seolah-olah menjadi satu perkataan yang mesti atau wajib digunakan terutama untuk menyampaikan sesuatu arahan. Digunakan juga untuk menyambung ayat ke ayat.

Maka pada esok harinya sangatlah menyesal atas segala perempuan yang tersebut itu, maka tiadalah berguna oleh sesalnya dan dukacitanya pada waktu itu.

(KM : 1)

2.4.2.3 Penggunaan Perkataan gandaan Penuh

Pengarang juga ada menggunakan perkataan gandaan penuh iaitu laki-laki yang kini boleh dijadikan pergandaan separa yang semakin meluas penggunaannya dalam pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Sebenarnya, perkataan laki-laki yang digunakan dalam manuskrip ini telah berlaku proses pembaharuan dan penyeragaman dalam pembentukan kata dalam bahasa Melayu oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku *Tatabahasa Dewan*. Maka perkataan laki-laki boleh diringkaskan menjadi lelaki.

Proses pembentukan kata ini dikenali sebagai proses penggandaan separa yang melibatkan kata nama iaitu laki. Penggandaan separa yang berlaku pada kata dasar tunggal iaitu laki lazimnya melibatkan pengulangan sukukata pertamanya dan letak gandaannya pada bahagian hadapan kata dasar. Vokal dalam bentuk gandaan itu mengalami proses pelemahan menjadi vocal e pepet seperti berikut :

Laki → lelaki → lelaki

(Nik Safiah Karim & et. al, 1997: 78)








Manakala contoh dalam manuskrip yang menggunakan perkataan ini ialah :

Maka sangatlah besar kesalahanmu dan kejahatan kepada Allah Subhanahu wa Ta ala daripada pekerjaan laki-laki yang mengikut kata isterinya di dalam menyalahi akan syari'at.

(KM : 25)

2.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, gaya bahasa *Kitab Muhimmah* merupakan gaya bahasa Melayu klasik. Dalam naskhah ini terdapat pengaruh bahasa

Arab, seperti menggunakan tanda-tanda bacaan , , , , , , dan . Selain itu disulami juga dengan bahasa Arab, ayat Al-Qur'an dan pujian kepada Allāh dan rasulnya. Walaupun masyarakat Melayu kebanyakannya tidak tahu bahasa Arab tetapi setiap hari mereka terdedah kepada bahasa Arab semasa membaca Al-Quran dan bersembahyang serta berdoa. Justeru, bahasa Arab bukanlah bahasa asing bagi masyarakat Melayu. Selain itu, dari segi gaya bahasanya kita dapati pengarang bijak memilih kata-kata puitis untuk melahirkan sebuah kitab agama yang indah bahasanya serta dipenuhi dengan pelbagai ilmu untuk kesejahteraan dunia dan akhirat, walaupun ada juga kesalahan dari segi ejaan yang dilakukan oleh pengarang secara sengaja atau tidak sengaja.